



**PERANAN PENDIDIKAN INFORMAL TERHADAP KELANGSUNGAN REKA
BENTUK BARANG KEMAS YANG DIHASILKAN OLEH
HASSAN MOHAMAD**

HASLINAZ BINTI HANAPI



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SENI (SENI)
(MOD PENYELIDIKAN)**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپرسیتی قادیقین سلطان ادریس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) 05 (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar :

Saya, HASLINAZ BINTI HANAPL M20152002150, FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF (FSKIK) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PERANAN PENDIDIKAN INFORMAL TERHADAP KELANGSUNGAN REKA BENTUK BARANG KEMAS YANG DIHASILKAN OLEH HASSAN MUHAMMAD adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.



Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR HAROZILA BINTI RAMLI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERANAN PENDIDIKAN INFORMAL TERHADAP KELANGSUNGAN REKA BENTUK BARANG KEMAS YANG DIHASILKAN OLEH HASSAN MUHAMMAD dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI).

21. 7. 2020

Tarikh

Tandatangan Penyelia





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اُنِوِرسِيتِي پَنديديَن سُلطان اِدرِيس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSII/IPS-3/BO 31
Pind.: 00 m/s: 1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERANAN PENDIDIKAN INFORMAL TERHADAP
KELANGSUNGAN REKA BENTUK BARANG KEMAS YANG
DIHASILKAN OLEH HASSAN MUHAMMAD

No. Matrik / Matric's No.: M20152002150

Saya / I: Haslinaz binti Hanapi

mengaku membenarkan Tesis Sarjana ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 21.7.2020

(Tandatangan Penyerah / Signature of Supervisor)

Associate Professor Dr. Harizla Binti Samli
Department of Arts
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Faculty of Arts, Computing and Creative Industry
Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malim
Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang
Selawat dan Salam ke atas Junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberikan saya taufik dan hidayah yang berterusan dalam iman dan Islam serta semangat dan iltizam yang berpanjangan dalam menyiapkan kajian dan penyelidikan di peringkat sarjana ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian secara langsung atau tidak langsung khususnya buat penyelia utama iaitu Prof. Madya. Dr. Harozila Ramli, yang sentiasa memberi tunjuk ajar, inspirasi, motivasi dan sokongan sepanjang kajian ini dijalankan. Begitu juga penyelia bersama, Prof. Madya Dr. Tajul Shuhaizam Said yang turut memberi panduan dan bimbingan yang tidak berbelah bahagi kepada saya untuk menyelesaikan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada UPSI dan Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk menimba ilmu pengetahuan di peringkat ini. Ucapan ini juga ditujukan kepada Timbalan Pengarah Lembaga Peperiksaan Tn. Hj Mohd Khidzir bin Ahmad dan mantan Guru Besar Pn. Hj. Khodijah bt Aziz serta informan kajian yang terlibat Tn Hj Hassan Mohamad. Seterusnya buat sesiapa sahaja yang memberi input dan maklumat dalam menjayakan kajian ini. Selain itu saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat kepada saya.

Akhir sekali ucapan ini saya dedikasikan buat suami tercinta Azizuddin b Ab. Ghani, yang sentiasa menitipkan doa, memberi bantuan dan semangat serta dorongan sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Anak-anak tersayang Iyad Iskandar dan Aryan Andika yang sama-sama merasa bahang kepanasan dalam tempoh pengajian. Juga kepada ibu bapa En Hanapi b Abd Hamid dan Pn Asmah Bt Hj Awang, serta saudara mara yang sentiasa memahami beban yang ditanggung saya dalam tempoh ini. Kepada ibu dan bapa mertua yang telah kembali rahmatullah, semoga sentiasa dicucuri rahmat dan dalam kasih sayang Allah SWT.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan pendidikan informal terhadap kelangsungan reka bentuk barang kemas oleh tukang emas tersohor Hassan Mohamad. Kajian ini juga dijalankan untuk menganalisis implikasi pendidikan informal beliau yang dipelajari secara turun-temurun terhadap reka bentuk barang kemas yang dihasilkannya. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes di Kota Bharu, Kelantan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian iaitu Hassan Mohamad adalah berdasarkan kepada pengalaman, kemahiran, kehalusan kerja tangan (*workmanship*) dan legasi beliau dalam pertukangan barang kemas yang sukar ditandingi oleh tukang emas yang lain. Tiga jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Data kualitatif daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen telah dianalisis secara tematik. Tema utama yang timbul daripada temu bual adalah pendidikan informal secara turun-menurun harus dikekalkan kerana ia dapat meningkatkan keupayaan sendiri yang tinggi dan personaliti kreatif yang terbukti melalui barangan kemas yang dihasilkan. Melalui pemerhatian, tukang emas Hassan Mohamad didapati sangat teliti dalam menghasilkan barang kemas dan ini menunjukkan kehalusan kerja tangan beliau (*workmanship*). Tema yang muncul daripada pemerhatian juga menunjukkan beliau mempunyai ramai pelanggan tetap dan ini menggambarkan kepercayaan pelanggan terhadap barang kemas yang beliau hasilkan. Analisis dokumen melalui visual dan keratan akhbar juga mencerminkan personaliti beliau yang tenang dan merendah diri juga menjadi tarikan kepada masyarakat sekeliling. Ini menunjukkan pendidikan informal beliau melalui kelangsungan ilmu secara turun menurun telah mempengaruhi reka bentuk barang kemas yang dihasilkan. Kesimpulannya, pendidikan informal dan persekitaran telah mempengaruhi pemikiran Hassan Mohamad dari aspek mutu kerja (*workmanship*), personaliti dan kepercayaan (*trust*) orang ramai terhadap barang kemas yang dihasilkan. Implikasi kajian menunjukkan pendidikan informal yang dipelajari oleh tukang emas secara turun menurun masih relevan dalam industri kecil yang menghasilkan barang kemas dan pendidikan ini dapat mencorak pemikiran dan personaliti tukang emas untuk memastikan kelangsungan reka bentuk barang kemas yang unik dari aspek estetik serta kreativiti.



THE ROLE OF INFORMAL EDUCATION TOWARDS PRESERVING THE LEGACY OF JEWELLERY DESIGN BY HASSAN MOHAMAD

ABSTRACT

This study aimed to identify the role of informal education towards preserving the legacy of jewellery design by a famous gold smith Hassan Mohamad. This study was also conducted to analyse the implication of his informal education transmitted from the previous generation in jewellery making. Qualitative approach using case study was employed in this study. The criteria for choosing Hassan Mohamad were based on his experience, skills, workmanship and his legacy in jewellery making that has not being matched by the other gold smiths. Three types of instrument were used in this study included interview protocol, observation and document analysis. Qualitative data from the interview, observation, and document analysis were analysed thematically. The main theme that emerged from the interview was that the legacy of the informal education should be preserved because it could enhance the self-efficacy and creative personality of the gold smiths in their jewellery making. Based on the observation, Hassan Mohamad was found to be very meticulous in his handywork and this showed his high quality workmanship. The emerging theme from the observation also indicated that he has many regular customers that illustrated the trust of the people on his quality products. Document analysis on his visuals and newspaper coverage showed that his serenity and humility has magnetised the surrounding community. This showed that his by-generation informal education via knowledge transmission that he has learned from the previous generation has influenced his jewellery design. In conclusion, Hassan Mohamad's informal education and his environment has influenced his thoughts in terms of workmanship and personality; hence people have trusted on his jewellery design. In implication, the by-generation informal education learned by the gold smiths are still relevant in jewellery industry and this type of education could mould the gold smiths' thinking and personality in ensuring the legacy of this unique jewellery making especially in aesthetics and creativity.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xii



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Tujuan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Persoalan Kajian	5
1.7	Kepentingan Kajian	6
1.8	Batasan Kajian	7
1.8.1	Batasan Tempat	8
1.8.2	Batasan Informan Kajian	9
1.8.3	Batasan Bahan Visual	9
1.9	Definisi Operasional	10





1.9.1	Pendidikan Informal	10
1.9.2	Reka Bentuk	11
1.9.3	Barang Kemas	11

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	12
2.2	Pendidikan Informal	13
2.2.1	Jenis Pendidikan Informal	17
2.2.2	Kaedah Pendidikan Informal	19
2.2.3	Kepentingan dan Kelebihan Pendidikan Informal	21
2.3	Pendidikan Informal dalam Seni Tradisi	26
2.4	Sejarah Seni Pertukangan Emas di Malaysia	29
2.5	Seni Kraf Pembuatan Barang Kemas di Malaysia	35
2.6	Tukang Emas Hassan Mohamad	53
2.7	Kreativiti dalam Penghasilan Reka Bentuk Barang Kemas di Malaysia	65
2.7.1	Kreativiti Tukang Emas Melalui Pendidikan Informal	66
2.8	Kajian Lepas Barang Kemas di Malaysia	72
2.9	Teori Kajian	74
2.9.1	Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986)	75
2.9.2	Teori Komponen Kreativiti (Amabile, 1983)	82

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	85
3.2	Reka Bentuk Kajian	86
3.3	Kerangka Konseptual	88



3.4	Pengumpulan Data	91
3.4.1	Kaedah Temu Bual	92
3.4.2	Kaedah Pemerhatian	98
3.4.3	Kaedah Analisis Dokumen	100
3.4.4	Data Analisis Daripada Dapatan Temu Bual	101
3.4.5	Data Analisis Daripada Dapatan Pemerhatian	102
3.4.6	Data Analisis Daripada Dapatan Dokumen	103
3.5	Matrik Pengumpulan Data	104

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	106
4.2	Kaedah Pendidikan Informal Yang Dipelajari oleh Hassan Mohamad	107
4.2.1	Pemerhatian	108
4.2.2	Pengamatan	110
4.2.3	Peniruan	112
4.2.4	Tunjuk Ajar	115
4.2.5	Interaksi	122
4.2.6	Pengalaman	126
4.3	Kesan Pendidikan Informal Terhadap Reka Bentuk Barang Kemas Yang Dihasilkan	133
4.3.1	Nilai	133
4.3.2	Perilaku	137
4.3.3	Persekitaran	165
4.3.4	Inovasi	174

4.4	Peranan Pendidikan Informal Dalam Meningkatkan Kreativiti	177
4.4.1	Kreativiti	177
4.4.2	Faktor Persekitaran Sosial	182
4.4.3	Faktor Pengetahuan Kognitif	182
4.4.4	Faktor Motivasi Intrinsik	183
4.4.5	Faktor Personaliti	184

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	191
5.2	Rumusan	192
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	196
5.4	Penutup	202

RUJUKAN

203

LAMPIRAN

210



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Sally Anne Moore (1998), Time to Performance.	20
2.2 Carta Aliran Proses Membuat Barang Kemas Teknik <i>Wax Investment</i>	51
2.3 Kualiti Emas Mengikut Ketulenan	62
2.4 Salasilah keluarga Tukang Emas Hassan Mohamad	70
2.5 Ringkasan Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Tukang Emas	86
2.6 Teori Kognitif Sosial Bandura (1986)	92
3.1 Kerangka Konsep adaptasi daripada Bandura (1986) dan Ammabile (1983)	107
3.2 Matriks pengumpulan data	129
4.1 Peralatan yang digunakan dalam Teknik Pahat	181
4.2 Jenis Mata Pahat	183
4.3 Kerangka dapatan kajian mengenai pendidikan informal yang dilalui oleh tukang emas Hj Hassan	237





SENARAI GAMBAR

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Locket Emas berwarna hijau dan merah (Sumber: Black Hills Gold)	63
2.2 Cincin Emas berwarna hijau dan merah (Sumber: Black Hills Gold)	64
2.3 Informan Kajian: Hassan Mohamad	66
2.4 Kedai Emas Hj Mohd di bangunan rumah kedai Jalan Che Kadir, Kota Bharu, Kelantan sekitar tahun 1983	72
2.5 Kedai Emas Hj Mohd di Jalan Che Kadir	73
2.6 Pembukaan kedai baru Kedai Emas Hj Mohd di Jalan Tok Hakim	73
2.7 Pengasas Kedai Emas Hj Mohd - Hj Mamat bin Said	77
2.8 Keratan akhbar Harian Metro (1 Mei, 2005)	78
2.9 Lokasi pertama berniaga barang kemas (Panggun Rani, Jalan Tok Hakim, Kota Bharu)	79
4.1 Reka bentuk cincin terawal yang dihasilkan	138
4.2 Rantai tangan 'Timba'	144
4.3 Rantai tangan 'Lipan'	146
4.4 Rantai tangan 'Gajah'.	147
4.5 Peralatan yang digunakan untuk menghasilkan barang kemas	158
4.6 Peralatan tradisional untuk menguji ketulenan dan mutu emas	159
4.7 Kerongsang Eksklusif	165
4.8 Locket Berlian Eksklusif	166
4.9 Kerongsang/ Locket Mutiara Eksklusif	167
4.10 Motif yang telah dilukis dan ditebuk dengan menggunakan pisau terlebih dahulu	173
4.11 Gergaji Khas yang digunakan untuk menebuk tembus.	175





4.12	Gergaji dipegang menegak, ditarik ke atas dan ke bawah perlahan	176
4.13	Proses mengikir barang kemas	177
4.14	Hazir (anak Hj Hassan) sedang mengilatkan barang kemas menggunakan mesin 'buffing	178
4.15	Gelang Tangan yang menggunakan Teknik Tebuk Tembus	179
4.16	Cincin yang menggunakan Teknik Tebuk Tembus	180
4.17	Tukul besi dan anjal yang digunakan untuk mengetuk hujung besi	185
4.18	Mata Pahat yang diperbuat daripada batang besi dan paku	186
4.19	Mata Pahat Pasir	187
4.20	Mata Pahat Bunga	187
4.21	'Pandam' yang telah dimasak	188
4.22	Proses memahat	189
4.23	Cincin yang telah siap di pahat	190
4.24	Kepingan emas yang akan dicairkan menjadi dawai halus	191
4.25	Kepingan emas yang dipanaskan	192
4.26	Kepingan emas yang telah cair	192
4.27	Kepingan emas yang dicairkan tadi dikeringkan di dalam 'palong'	193
4.28	Kepingan emas dimasukkan ke dalam mesin 'tarik	194
4.29	Tukang emas mengendalikan mesin tarik dawai	194
4.30	Emas yang ditarik	195
4.31	Gelang Tangan menggunakan Teknik Karut	196
4.32	Rantai Tangan menggunakan Teknik Karut	197
4.33	Barang kemas yang menggunakan Teknik Pahat Silat	198
4.34	Penimbang emas	200
4.35	Hj Hassan sedang menguji emas	201





4.36	Proses menguji tahap ketulenan emas secara tradisional	202
4.37	Asid yang digunakan dalam Teknik Menguji Ketulenan Emas	202
4.38	Jarum emas yang digunakan dalam Teknik Menguji Ketulenan Emas	203
4.39	Gelang Tangan Nama	209
4.40	Kerongsang	213
4.41	Loket	214
4.42	Rantai Tangan	215
4.43	Gelang Tangan	216
4.44	Cincin Lelaki	217
4.45	Reka bentuk loket yang boleh dipakai sebagai kerongsang	218
4.46	Rantai Labuh bersama Locket dan boleh dijadikan Kerongsang	220
4.47	Estetika Motif Awan Larat	223
4.48	Estetika Motif Bunga Kenanga	224
4.49	Estetika Motif Rama-Rama	225
4.50	Motif Daun Keladi	231
4.51	Motif Daun Sukun	232
4.52	Motif Bunga Cempaka	233
4.53	Motif Bunga Mawar	234





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Membangunkan potensi individu melalui pendidikan berkualiti adalah antara misi dasar pendidikan yang ditetapkan oleh Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012). Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program untuk membangunkan modal insan yang cemerlang dalam usaha membina negara bangsa berkualiti (Malaysia Education Blueprint, 2013). Penyataan masalah Pendidikan informal wajar diberi perhatian oleh pengkaji tempatan selaras dengan konsep pendidikan sepanjang hayat seseorang individu dan matlamat '*Education for All*'. (EFA, 2010) yang diperkenalkan oleh UNESCO dalam usaha membangunkan kualiti pendidikan antarabangsa yang merupakan kaedah pembelajaran yang sinonim dengan kehidupan individu.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini difokuskan kepada kelangsungan pendidikan informal yang dilalui oleh tukang emas di negeri Kelantan iaitu Haji (Hj) Hassan bin Mohamad (Hj Hassan Mohamad) yang merupakan pewaris perniagaan Kedai Emas Hj Mohd di Kota Bharu. Pemilihan beliau sebagai informan utama dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada latar belakang pendidikan informal yang dilaluinya dalam mempelajari seni pertukangan emas dan telah memainkan peranan utama dalam mempengaruhi kesinambungan legasi perniagaan keluarga dalam bidang pertukangan barang kemas di Kelantan yang sememangnya sangat terkenal dalam aktiviti pertukangan emas sejak dahulu sehingga sekarang. Proses pendidikan informal yang dilalui oleh tukang emas Hassan Mohamad telah memberi kesan di dalam kehidupannya dimana beliau mampu meneruskan kelangsungan, mempertahankan dan mengembangkan legasi pertukangan yang diwarisi sejak turun temurun daripada bapanya sehingga kini. Sejak kecil beliau hanya memerhatikan datuk dan bapanya melakukan aktiviti pertukangan emas ini sehingga akhirnya beliau dipertanggungjawabkan meneruskan kesinambungan pertukangan emas di dalam keluarganya. Malah sehingga kini, aktiviti pertukangan barang kemas masih diteruskan dan merupakan salah satu mata pencarian utama keluarganya dalam usaha meneruskan kehidupan.

Selain membentuk masyarakat, pendidikan informal juga banyak menyumbang dalam kelangsungan seni tradisi iaitu bagaimana proses penurunan atau pemindahan ilmu pengetahuan atau kemahiran berlaku dari satu generasi ke generasi seterusnya. Keberlangsungan ini berlaku di dalam keluarga informan kajian apabila datuknya tanpa sedar telah menurunkan ilmu pertukangan kepada bapanya, kemudian bapanya pula





mewariskan ilmu pertukangan kepada beliau dan sehingga kini anaknya pula meneruskan tradisi pertukangan emas ini. Proses penurunan ilmu ini berlaku secara turun-temurun bermula daripada datuk kepada bapanya seterusnya kepada anaknya dan kini kepada cucunya. Ini dapat dilihat dalam kajian terdahulu oleh pengkaji-pengkaji tempatan seperti pembuatan batik (Nor Hasilah Mohamed Ali, 2009), pembuatan bakad (Su'ut Bell, 2013), pembuatan kollum (Letchumanan, S., 2013) dan seramik kontemporari (Norhayati Ayob & Humin Jusilin, 2016).

Namun demikian, pengkaji mendapati masih perlu diperbanyakan kajian yang lebih mendalam dan terperinci tentang kaedah pendidikan informal yang dipelajari dalam proses pemindahan ilmu dan kemahiran dalam konteks seni pertukangan emas. Begitu juga dengan implikasi pendidikan informal terhadap reka bentuk barang kemas yang dihasilkan serta peranannya dalam meningkatkan kreativiti seseorang tukang emas. Sumber rujukan yang terhad tentang pendidikan informal dalam seni pertukangan emas ini menyukarkan para pengkaji tempatan untuk membuktikan bagaimana pendidikan informal boleh memainkan peranan dan menggalakkan generasi muda dalam meningkatkan nilai apresiasi terhadap karya, seni dan tradisi Melayu seterusnya mengekalkan ciri-ciri tradisi serta mengangkat martabat seni pertukangan emas selaras dengan program '*The Hidden Arts of Malay Culture*' yang dijalankan oleh Jabatan Pelancongan Malaysia Kelantan (Harian Metro, 9 April 2015).

Justeru, topik kajian ini dipilih agar dapat memenuhi kandungan literatur mengenai proses pendidikan informal yang dilalui oleh tukang emas dalam mengekalkan pengetahuan dan kemahiran dalam seni pertukangan emas dari satu generasi ke generasi seterusnya. Kajian ini bukan sahaja untuk menerangkan kepada





masyarakat tentang reka bentuk barang kemas yang dihasilkan tetapi juga penting untuk menghubungkan peranan pendidikan informal dalam meningkatkan kreativiti tukang emas dalam menghasilkan barang kemas yang menarik dan unik serta tinggi nilai estetikanya.

1.3 Pernyataan Masalah

Proses pendidikan informal yang tidak dirancang telah menimbulkan masalah kerana ia bergantung kepada potensi individu untuk mengeksploitasi sesuatu keadaan. Bell *et al.* (2009) di dalam kajiannya menyatakan bahawa proses pendidikan informal yang berlaku di mana-mana sahaja tanpa disedari akan menyebabkan potensi individu tidak dapat dijangka sepenuhnya. Menurut Sudiapermana, E. (2009), pendidikan informal tidak mempunyai perakuan dalam bentuk sijil atau dokumentasi. Ini akan menimbulkan masalah kerana kemahiran tukang tidak diiktiraf dan diperakui. Tidak ada dokumentasi khas diwujudkan kerana mereka hanya bertukang secara santai dan tidak dirancang (Bell *et al.*, 2009). Masalah ini menyebabkan kurangnya tenaga pendidik profesional dilahirkan dalam sesuatu bidang. Bakat dan keunikan tukang tidak dapat dicungkil dan akhirnya dilupakan. Negara akan kehilangan karya seni yang unik, istimewa dan berharga sekiranya kemahiran pertukangan ini tidak diwarisi. Masalah kekurangan sumber untuk mendapatkan maklumat terkini tentang apa yang dipelajari juga dinyatakan di dalam kajian Jamil, A.B. & Shamimi, B., (2012). Perkara ini menyukarkan proses pemindahan ilmu. Menurut Fatimah Ali (1995), identiti sangat penting dalam penciptaan sesebuah karya kerana ia melambangkan pengenalan kepada





masyarakat yang menciptanya. Penerapan identiti tradisional akan terhakis sekiranya tiada kelangsungan dalam proses pendidikan informal.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti kaedah pendidikan informal yang dipelajari dalam meneruskan kelangsungan reka bentuk barang kemas yang dihasilkan melalui legasi pertukangan emas Hassan Mohamad secara turun-temurun tanpa melalui mana-mana institusi pendidikan secara formal.

Selain itu tujuan kajian ini adalah untuk menganalisa kesan pendidikan informal terhadap kelangsungan reka bentuk barang kemas yang dihasilkan serta menginterpretasi peranan pendidikan informal dalam meningkatkan kreativiti Hassan Mohamad. Kesimpulannya kajian ini bertujuan untuk melihat keperibadian dan keunikan barang kemas yang dihasilkan melalui proses pendidikan informal dalam usaha memelihara dan memperkasakan seni pertukangan emas di Malaysia.

1.5 Objektif Kajian

- i. Mengetahui kaedah pendidikan informal yang dipelajari oleh Hassan Mohamad.
- ii. Menganalisa kesan pendidikan informal terhadap kelangsungan reka bentuk barang kemas yang dihasilkan.





- iii. Menginterpretasi peranan pendidikan informal dalam meningkatkan kreativiti Hassan Mohamad.

1.6 Persoalan Kajian

- i. Apakah kaedah pendidikan informal yang dipelajari oleh Hassan Mohamad?
- ii. Bagaimanakah kesan pendidikan informal terhadap kelangsungan reka bentuk barang kemas yang dihasilkan?
- iii. Bagaimanakah peranan pendidikan informal dalam meningkatkan kreativiti Hassan Mohamad?



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting dan bermakna untuk memperkayakan ilmu pengetahuan berkenaan peranan dan kepentingan pendidikan informal dalam melestarikan seni pertukangan emas tempatan serta implikasinya terhadap reka bentuk barang kemas yang dihasilkan. Pemilihan informan kajian ini juga merupakan antara usaha untuk mendokumentasikan kaedah dan peranan pendidikan informal yang dilalui oleh tukang emas sehingga mampu meneruskan kelangsungan reka bentuk yang dihasilkan dari generasi ke generasi. Selain daripada itu, nilai yang dipraktikkan melalui pendidikan informal juga dapat dikenal pasti dalam usaha membantu mengekalkan ciri-ciri tradisi dan mengangkat martabat reka bentuk barang kemas tempatan.





Kajian ini juga diharapkan dapat menambah khazanah seni negara dalam bentuk dokumentasi yang memberi tumpuan khusus terhadap seni pertukangan emas tempatan sebagai usaha memelihara khazanah tradisi. Bukan sahaja untuk menyampaikan maklumat yang tepat tentang proses pendidikan informal yang berlaku, kajian ini juga adalah untuk memahami masyarakat tentang penghasilan dan reka bentuk barang kemas yang merupakan aset negara di samping memperkenalkan tokoh yang mempeloporinya kepada generasi muda.

1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah khusus kepada penghasilan reka bentuk barang kemas yang dihasilkan melalui proses pendidikan informal informan kajian. Ini menjurus kepada tiga objektif utama kajian iaitu mengenal pasti kaedah pendidikan informal yang dipelajari, menganalisa kesan pendidikan informal terhadap reka bentuk barang kemas yang dihasilkan serta menginterpretasi peranan pendidikan informal dalam meningkatkan kreativiti tukang emas Hassan Mohamad.

Kajian ini telah dijalankan terhadap tukang emas Hassan Mohamad berdasarkan beberapa faktor yang memenuhi syarat kajian iaitu pengalaman beliau selama 31 tahun melalui proses pendidikan informal yang dilalui, serta mewarisi kelangsungan kemahiran pertukangan emas sejak turun-temurun melalui pendidikan informal serta kerjasama baik yang diberikan sewaktu proses pengumpulan data dijalankan.





Skop kajian ini adalah menjurus terhadap kaedah dan kesan pendidikan informal yang dilalui oleh informan berdasarkan Teori Kognitif Sosial Bandura (1986) yang merangkumi aspek persekitaran iaitu pendedahan kepada tradisi, pengaruh pengajar atau guru, pengaruh ahli keluarga, rakan, masyarakat, pengaruh sumber lain seperti bacaan dan media, pengalaman lalu dan pengaruh emosi atau fisiologi responden. Faktor kognitif iaitu pengetahuan dan sikap atau motivasi informan serta faktor perilaku yang melibatkan kemahiran dan proses mereka bentuk (teknik, bahan, motif) turut diperhatikan. Fokus terhadap peranan pendidikan informal dalam meningkatkan kreativiti tukang emas juga dilihat berdasarkan empat elemen Teori Komponen Kreativiti Amabile (1983) iaitu pengetahuan kognitif, personaliti, motivasi intrinsik dan persekitaran sosial informan kajian.



1.8.1 Batasan Tempat

Dua lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji terletak di Kedai Emas Hj Mohd yang beralamat di 708-B2, Jalan Tok Hakim, 15000 Kota Bharu, Kelantan dan G_K-23, Tingkat Bawah, Kota Bharu City Point, Jalan Ismail Hilir, 15300 Kota Bharu, Kelantan. Justifikasi pemilihan tempat ini adalah berdasarkan kepentingan terhadap kajian ini iaitu menganalisa kaedah pendidikan informal yang dipelajari, menganalisis implikasi pendidikan informal terhadap reka bentuk barang kemas dan menginterpretasi peranan pendidikan informal dalam meningkatkan kreativiti.



1.8.2 Batasan Informan Kajian

Informan kajian ini adalah tertumpu kepada tukang emas Hassan Mohamad yang meneruskan kelangsungan pertukangan barang kemas keluarganya melalui pendidikan informal.

Pemilihan informan kajian ini adalah berdasarkan kepada kemahiran dan peranan beliau sebagai penyambung kepada legasi pertukangan barang kemas melalui pendidikan informal yang diterima daripada arwah bapanya serta penglibatan beliau dalam bidang pembuatan barang kemas selama 31 tahun. Pertukangan barang kemas telah menjadi aktiviti utama keluarganya sejak turun-temurun bermula sejak arwah datuknya lagi, kemudian diwarisi oleh bapanya dan seterusnya diperturunkan kepada Hj Hassan. Malah kini, anak-anaknya pula turut meneruskan kelangsungan ilmu pertukangan emas di dalam keluarganya. Antara pencapaian tertinggi ialah beliau diberi kepercayaan menghasilkan barangan kemas untuk keluarga diraja. Persoalan mengenai pendidikan informal yang dilalui hanyalah berdasarkan kepada pengalaman informan semata.

1.8.3 Batasan Bahan Visual

Batasan bahan visual dalam kajian ini merujuk kepada jenis barang kemas yang paling banyak dihasilkan oleh informan seperti rantai leher, rantai tangan, gelang tangan, cincin, loket dan juga kerongsang. Proses penghasilan barang kemas melalui kaedah pendidikan informal yang dipraktikkan dapat memberi kesan ke atas barang kemas



yang dihasilkan. Begitu juga dengan peranan pendidikan informal dalam meningkatkan kreativiti barang kemas yang terhasil melalui pengalaman pertukangan yang dilalui sejak turun-temurun.

1.9 Definisi Operasional

Definisi subjek utama kajian dihuraikan di bab ini mengikut kesesuaian konteks kajian yang dijalankan. Definisi peranan, pendidikan informal, reka bentuk dan barang kemas adalah subjek utama di dalam kajian ini.



1.9.1 Pendidikan Informal

Berdasarkan kajian ini, pendidikan informal didefinisikan sebagai bentuk atau cara belajar yang diperoleh melalui institusi keluarga Hassan Mohamad secara turun-menurun. Ini selaras dengan kajian Marsick, V.J. dan Watkins, K.E. (2001) yang menyatakan bahawa setiap individu melalui proses belajar tanpa disedari melalui rutin sehariannya. Seni pertukangan emas merupakan mata pencarian utama keluarga bermula dari datuknya, kemudian diwarisi oleh bapanya dan seterusnya diperturunkan kepada beliau malah kini anaknya juga turut mewarisi kemahiran pertukangan emas melalui proses pemerhatian, peniruan dan tunjuk ajar yang berlaku tanpa mengikuti mana-mana institusi belajar secara formal. Malah, ramai penduduk di kampungnya juga turut menjadikan aktiviti menghasilkan barang kemas sebagai sumber rezeki.





1.9.2 Reka Bentuk

Definisi reka bentuk yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah konsep rekaan barang kemas yang telah dihasilkan melalui kaedah pendidikan informal yang dilalui informan kajian serta melibatkan pemilihan motif, penggunaan alat, bahan dan teknik yang sesuai. Ini bersesuaian dengan pernyataan Jalil, M.K.A (2000) yang menyatakan bahawa proses mereka bentuk bukan berlaku dalam masa yang singkat, malah mengambil masa sehingga bertahun-tahun serta melibatkan proses pemikiran untuk menghasilkan sesuatu.

1.9.3 Barang Kemas



Dalam konteks kajian ini, barang kemas ialah perhiasan diri yang dihasilkan oleh informan melalui kaedah pendidikan informal yang telah dilalui. Antaranya ialah rantai leher, rantai tangan, cincin, loket, kerongsang dan subang yang dibentuk menggunakan emas 916 dan 750. Ada juga barang kemasnya bertatahkan batu permata pelbagai warna yang menarik. Menurut Tzintzi, V., Manaris. A., Efkolidis, N., Dimopoulos, C., Kakoulis, K., & Kyratsis, P. (2017), pemakaian barang kemas memberi satu kepuasan dan merupakan kemuncak kecantikan kepada setiap individu.

